

12/08/1997

Laksana perundangan Islam secara bijak

Huzaini Hussin

PADA 31 Ogos ini, Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-40. Bagi manusia, usia 40 tahun menggambarkan kematangan dan kekayaan pengalaman. Ternyata dalam tempoh empat dekad lalu, negara berjaya menempuh pelbagai cabaran dalam memperteguh ekonomi, memantapkan politik dan pentadbiran, memperkukuh perpaduan kaum dan meratakan keadilan sosial.

Aspek perundangan adalah penting demi menjamin keadilan masyarakat. Kekecohan yang berlaku selama ini yang berpunca daripada pelaksanaan undang-undang Islam yang tidak seragam menggambarkan kelemahan sistem perundangan terutama pelaksanaan undang-undang Islam. Persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu dengan cadangan kerajaan supaya undang-undang Islam di negeri diseragamkan adalah petanda baik ke arah memperkukuh institusi perundangan Islam.

Isu penangkapan tiga peserta ratu cantik Muslimah di Selangor oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang menjadi perdebatan selama ini seolah-olah satu rahmat kepada usaha yang lebih serius untuk menyeragam dan mengukuh undang-undang Islam.

Sudah tiba masanya kita memakmurkan undang-undang Islam dari segi pelaksanaannya dan menerima pakai seluruh aspek perundangan Islam selengkap dan seutuhnya bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan hakiki.

Tetapi harus diingat, biar betapa adil pun peraturan dan undang-undang, jika sistem dan pelaksanaannya jahil serta tiada ciri keikhlasan dan kebijaksanaan, yang adil akan menjadi zalim. Justeru itu usaha memantap sistem yang baik dan pelaksana yang punya hikmah perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Perundangan Islam sifatnya mendidik. Peraturan yang disulami dengan nilai rabbani mampu membina insan yang berketrampilan, berakhlak, punya adab dan etika.

Ulama sepakat dan tiada keraguan lagi bahawa usaha untuk memartabatkan perundangan Islam adalah wajib. Namun kita tidak boleh tergopoh-gopoh dalam usaha dan tindakan mengejar sesuatu yang segera.

Dalam konteks Malaysia, kita perlu melaksanakan fiqh perimbangan dan fiqh keutamaan.

Usaha pendidikan dan penerangan yang jelas mengenai Islam secara amnya dan perundangan Islam secara khususnya harus diutamakan lebih daripada penerapan perundangan itu sendiri tanpa mengetepikan kepentingannya.

Pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia harus dilaksanakan secara bijaksana. Teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap sesetengah pihak yang mengambil pendekatan melampau patut diberi perhatian. Kita tidak mahu agama Islam dilihat hodoh pada pandangan penganut agama lain dan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam terutama yang cetek pengetahuan agamanya.

Kita harus bijaksana kerana masyarakat negara kita adalah berbilang kaum dan agama. Perpaduan dan kesefahaman adalah unsur yang penting di dalam Islam.

Namun apapun alasannya, usaha yang bersungguh-sungguh serta penuh iltizam harus dilakukan untuk merealisasikan hukum Ilahi. Halangan dan rintangan tidak harus dijadikan alasan untuk melengahkan usaha penting ini.